

SABAR DALAM ISLAM

(‘Abdul Ḥamīd Pārīt)

Bukan sahaja bangsa Melayu banyak memakai bahasa-bahasa dagang, bahkan selagi suatu bangsa itu ada persemendaan, ada pergaulannya selama itulah ada ambilannya dari bahasa-bahasa yang dicampurinya, sehingga bangsa Inggeris pun memakai bahasa dagang.

Pembaca-pembaca yang biasa membaca hikayat-hikayat atau cerita-cerita bahari sudah tentu bertemu dengan perkataan “Tri Murti Tri Buan”, “Hashat Konah” dan lain-lain. Ada pun “Tri” yang mendahului Murti dan Buan itu bukan lain daripada kalimah three ertinya tiga yang dicakapkan sekarang demikian jua “Konah” itu bersamaan dengan corner maknanya penjuru yang kedua-duanya bahasa Sanskrit. Hanya perbezaannya bangsa-bangsa yang mahu itu tiap-tiap perkataan pinjaman itu mereka mengambil pengertian yang betul dan sedalam-dalamnya, tidak sekadar pandai menyebut sahaja.

Sekarang masuklah saya kepada “kubah” yang di atas, kata peribahasa itu “Perkataan itu seumpama benih, tiada diketahui pokoknya sebelum dicambah”. Jika pokok-pokok yang semata-mata untuk jasmani itu mesti disemai benihnya (biji) supaya dikenal hakikatnya, apatah lagi kalimah-kalimah yang menjadi timbalan “rohani” tak dapat tiada wajib dibahas dalam-dalam, sekiranya apa-apa yang disebut itu cuma keluar dari bibir mulut sahaja istimewa perkataan yang besar-besar, tinggi-tinggi dan luas-luas yang terbit dari lidah orang-orang awam nescaya menepatilah seperti kata William Shakespeare: “Orang lawak memakai seperenggu pakaian raja”. Jadi dengan maksud

perkataan yang besar-besar, yang tinggi-tinggi dan luas-luasnya itu tiadalah terkeluar perkataan “sabar”. Sabar itu banyak terkandung di dalam al-Quran al-Hakim kata mufassirin lebih daripada 70 kali. Quran yang menjadi imam kita, pedoman kita, “*Hudā lilmuttaqīn*” pertunjuk bagi orang yang takut (taqwa).

Selama ini sabar itu diertikan hampir-hampirilah dengan berpeluk tubuh dan lain-lain seumpamanya atau ada yang berpengertian bahawa sabar itu ialah tahan, derita dan terima sahaja barang apa menimpa diri. Ajaran ini amat salah dan keliru sekali. Sebenarnya yang demikian bukannya datang dari Islam! Kalau sebanyak itu sahaja ertinya sabar masakan kerajaan Islam pada zaman keemasan dahulu dapat membina empayar dan daulatnya sampai ke Andalus?

Riwayat ada menerangkan bagaimanakah sabar itu, demikian duduknya cerita: Setelah junjungan kita dibangkitkan menjadi Rasul di tanah tumpah darahnya, beberapa tahun Rasulullah (SAW) menyeru bangsa-bangsa Arab di Mekah supaya beriman kepada Tuhan yang Esa, tetapi tak mendapat hasil yang diharapkan. Yang demikian Ṭaif itulah julung-julung tempat Nabi keluar mengembangkan agama Allah. Junjungan kita menuju ke situ kerana kaum Ṭhaqif termasyhur otaknya bergeliga dan lapang dadanya. Sampainya sahaja lalu menuju rumah keluarga ‘Amrū bin ‘Auf al-Ṭhaqafi dan terus junjungan menerangkan sebab-sebab kedatangannya dan dirinya menjadi Rasul serta mengajak bersama-sama tegak berdiri menyokong dan menghadapi sesiapa menggalangnya. Ajakan Rasulullah di sisi keluarga al-Ṭhaqafi itu sama sahaja dengan lain-lain bangsa Arab Mekah pada waktu itu. Mereka itu tak sanggup berhenti daripada memuja dan menyembah berhala-berhala yang menjadi wasitah kepada Tuhan yang dipusakai dari nenek moyangnya. Kaum yang tersebut bukan sahaja dengan keras dan sombong menolak “seruan” Rasulullah yang maha berharga itu bahkan ejekan-ejekan tidak pula kurang, dengan kelakuan

Sambungannya pada muka 25